

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 FEBRUARI 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Warga MOSTI disaran berinovasi sediakan perkhidmatan, kurangkan birokrasi	BERNAMA
2.	Aduan jenayah siber menurun	Harian Metro
3.	Kesedaran pencerobohan siber kian meningkat	Berita Harian
4.	Komersialkan penyelidikan tempatan	Berita Harian
5.	Banjir tiada kaitan fenomena bulan penuh	Harian Metro
6.	Hot spell to hit 6 states	New Straits Times



Warga MOSTI Disaran Berinovasi Sediakan Perkhidmatan, Kurangkan Birokrasi

PUTRAJAYA, 22 Feb (Bernama) -- Warga agensi dan [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) disaran supaya lebih berinovasi dalam menyediakan perkhidmatan bagi mengurangkan birokrasi dan tadbir urus lapuk.

Dalam Amanat 2016 untuk warga MOSTI, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau](#) berkata langkah itu adalah selari dengan cabaran strategik keenam Wawasan 2020 untuk melahirkan rakyat yang mengeluarkan teknologi dan bukan sekadar pengguna.

"Warga MOSTI harus menerapkan ekosistem yang berlandaskan dan fokus ke arah memacu pasaran, memacu sains, teknologi dan inovasi (STI). Sekarang bukan masanya untuk berfokus kepada bantuan dana semata-mata," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Madius menekankan pentingnya MOSTI merangka kemajuan kerjaya dalam bidang STI sebagai motivasi generasi akan datang untuk mengambil sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

-- BERNAMA

Aduan jenayah siber menurun

Kuala Lumpur: Penurunan sebanyak 2,000 aduan kes membabitkan jenayah siber sejak 2014 membuktikan kesedaran rakyat terhadap keselamatan siber semakin meningkat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, pihaknya melalui CyberSecurity Malaysia (CSM) mencatatkan 9,000 aduan kes jenayah siber pada 2015 dan menjangkakan penurunan konsisten pada tahun ini dan seterusnya.

"Rakyat Malaysia semakin sedar dan faham risiko perlu ditanggung jika meletakkan sepenuh kepercayaan terhadap apa yang didedahkan melalui Internet.

"Sekiranya pengguna tidak menapis atau menye-

lidik maklumat diletakkan di Internet, tidak mustahil pihak tidak bertanggungjawab dan berniat jahat meneruskan jenayah siber melalui penggodaman, penipuan dan 'spamming'.

"Oleh itu, kami meneruskan kempen kesedaran terhadap semua golongan bagi menjadikan Internet lebih selamat dilayari," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Penutup Safer Internet Day 2016, di Pekarangan Sri Pentas, di sini, semalam.

Majlis dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif CSM Dr Amirudin Abdul Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Kum-pulan Media Prima Datuk Kamal Khalid.

Antara program dilaksa-

nakan melalui SDI 2016 adalah Program Kesedaran Keselamatan Siber Untuk Semua atau lebih dikenali sebagai Cybersafe yang bertujuan menggalakkan penggunaan Internet dengan cara positif dan beretika.

Pada masa sama, Amirudin berkata, pihaknya komited memupuk kesedaran dan membina ilmu pengetahuan keselamatan siber, namun usaha pelbagai pihak diperlukan untuk menjayakannya.

"Sebagai pengguna Internet beretika dan bertanggungjawab, kita harus memainkan peranan sebagai penggerak untuk mewujudkan persekitaran siber yang lebih selamat dan kondusif," katanya.



MADIUS (tengah) melakukan gimik penutupan majlis, semalam.

Kesedaran pencerobohan siber kian meningkat

Petaling Jaya: Kesedaran orang ramai terhadap pencerobohan siber semakin meningkat berdasarkan aduan dan laporan yang diterima CyberSecurity Malaysia (CSM) sepanjang tiga tahun kebelakangan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Madius Tangau, bagaimanapun berkata tahun lalu jumlah aduan diterima berkurangan yang menunjukkan kesedaran orang ramai mengenai gangguan dan pencerobohan siber semakin meningkat.

Jumlah aduan yang diterima berkurangan daripada 11,000 kes pada tahun 2014 kepada 9,000 kes pada tahun 2015.

"Secara purata, dalam tempoh tiga tahun kira-kira 10,000 aduan setahun diterima CSM membatinkan kes pencerobohan, penipuan, spam, gangguan siber dan penafian perkhidmatan," katanya pada sidang media selepas menutup Safer Internet Day (SID) 2016 di Sri Pentas TV3, Bandar Utama di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur; Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Dr Amirudin Abdul Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad, Datuk Kamal Khalid.

Safer Internet Day mula disambut pada tahun 2004 dan kini ia



Madius (tengah) melawat ruang pameran pada majlis penutup Safer Internet Day 2016 di Sri Pentas TV3, semalam.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

disambut di lebih 100 negara di seluruh dunia.

Sambutan di Malaysia bermula pada tahun 2010 diterajui oleh CSM. Tahun ini, SID 2016 peringkat global disambut pada 9 Feb-

ruari lalu dengan tema 'Play Your Part For A Better Internet'.

Pengguna perlu main peranan
Terdahulu, dalam ucapannya Madius mengajak pengguna internet

memainkan peranan mereka sebagai pemimpin internet.

"Sebagai pemimpin internet, mereka seharusnya bijak dalam mewujudkan persekitaran siber yang selamat dan dalam masa

yang sama berusaha mempengaruhi pengguna internet yang lain untuk mengamalkan penggunaan internet yang bertanggungjawab, berhemah dan beretika," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 23 FEBRUARI 2016 (SELASA)



Madius (kanan) memotong reben sempena majlis perasmian MTE sambil diperhatikan Wan Manshol.



Peserta ekspso, Muhammad Amar Ibrahim Istar (tengah), menunjukkan cara membaling bola bowling menggunakan alat pandu rel tempin bowling untuk orang kurang upaya (OKU).

Komersialkan penyelidikan tempatan

» Sektor swasta perlu main peranan lebih aktif, tampil beri sokongan

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sektor swasta digesa memainkan peranan lebih aktif dalam pengkomersialan produk penyelidikan tempatan bagi menjana kekayaan, sekali gus membantu mengurangkan impak cabaran ekonomi semasa.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, berkata pela-

buran dan pembiayaan swasta diperlukan bagi menyokong pelaksanaan Tahun Pengkomersialan Malaysia serta pembangunan ekonomi negara berasaskan pengetahuan.

Perlu sokongan sektor swasta
Beliau berkata, sokongan sewajarnya daripada pihak swasta mampu mewujudkan ekosistem yang merangsang penajaan inovasi dan meningkatkan pendapatan.

"Lebih banyak syarikat swasta perlu yakin dengan potensi produk penyelidikan tempatan dan tampil memberi sokongan kepada usaha pengkomersialan bagi menggalakkan penghasilan lebih banyak reka cipta yang mampu memberi nafas baharu kepada ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Presiden Persatuan Saintis Penyelidikan Malaysia (MARS), Dr Wan Manshol Wan Zin.

Pembudayaan inovasi

Ekspo penyelidikan kali ke-15 anjuran MARS itu berlangsung tiga hari dengan mengetengahkan lebih 500 produk inovasi daripada peserta tempatan dan luar negara.

Sebanyak 30 peratus daripada produk itu adalah hasil penyelidikan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Sebanyak 255 produk penyelidikan oleh 17 universiti dan lima institusi penyelidikan pula dipertandingkan untuk Anugerah Reka Cipta dan Inovasi MTE.

“Pelaburan dan pembiayaan swasta diperlukan bagi menyokong pelaksanaan Tahun Pengkomersialan Malaysia serta pembangunan ekonomi negara berasaskan pengetahuan”

Madius Tangau,
Menteri Sains, Teknologi
dan Inovasi

rah Reka Cipta dan Inovasi MTE. Pengiktirafan Anugerah Inovasi Belia Asia turut diberikan kepada hasil penyelidikan terbaik dalam kalangan peserta berumur antara 10 hingga 25 tahun.

Mengulas lanjut, Madius berkata, penyertaan peserta daripada pelbagai peringkat umur, termasuk pelajar sekolah, dalam pameran penyelidikan itu membuktikan pembudayaan inovasi semakin meningkat di Malaysia.



Orang ramai mengunjungi MTE di PWTC.

[FOTO SADDAM YUSOFF / BH]

Banjir tiada kaitan fenomena bulan penuh

Kuala Lumpur: Banjir di tiga kawasan di Sarawak tidak mempunyai kaitan dengan fenomena bulan penuh seperti yang tersebar di laman sosial.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail

berkata, banjir itu

disebabkan

hujan lebat

berikutan

kawasan

berkena-

an me-

ngalami

sistem te-

kanan ren-

dah atau dike-

nali Borneo Vortex

yang menggalakkan

pembentukan awan hu-

jan.

“Apa yang berlaku dua

hari lalu kerana Borneo

Vortex agak aktif apabila

pusaran awan akan ter-

tumpu di sekitar kawa-

san itu.

“Awan kumulonimbus

yang besar terbentuk,

sekali gus menyebabkan

hujan lebat berterusan

melanda di ketiga-tiga

kawasan itu,” katanya.

Menurut Che Gayah

lagi, keadaan hujan lebat

di kawasan itu semakin

berkurangan sejak se-

malam dan dijangka ber-

akhir hari ini.

Katanya, jabatannya

turut mengeluarkan be-

berapa siri

amaran me-

ngenai kea-

daan hujan le-

bat sejak awal

pagi kelmarin

dan pemanta-

uan berteru-

san akan dila-

kukan.

Justeru, beliau

menasihati orang ramai

untuk mengikuti per-

kembangan amaran hu-

jan lebat yang dikeluar-

kan melalui media

massa dari semasa ke

semasa.

Keadaan banjir di Sa-

rawak semakin mening-

kat dengan jumlah

mangsa di 50 pusat pe-

mindahan banjir kini

meningkat kepada 7,327

orang sehingga petang

semalam.

FAKTA

Tiga kawasan alami sistem tekanan rendah galak pembentukan awan hujan

Hot spell to hit 6 states

KUALA TERENGGANU: Perlis, Kedah, Penang, northern Perak, Kelantan and northern Terengganu will be at their hottest next month.

The weather forecast is based on several models such as the JMA Ensemble Prediction System (Tokyo Climate Centre), the European Centre for Medium Range Weather Forecast and the International Research Institute for Climate Society.

Rainfall in most parts of the northern peninsula is generally not more than 50mm this month, with Langkawi scheduled to record the lowest rainfall ranging from 12mm to 20mm.

Perlis, Tanah Besar in Kedah, Tumpat, Bachok, Kota Baru, Pasir Puteh and Machang in Kelantan are expected to record precipitation ranging from 25mm to 35mm.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said the unusually low rainfall at

this time of the year was caused by the El Nino effect the country was experiencing now, which is at its peak.

She said the phenomena was expected to end by middle of the year.

"The volume of rainfall and temperature will only be back to normal after the end of the phenomena.

"Until then, hot weather and low rainfall will prevail, and this month will probably be the driest month of the year in the peninsula based on our weather chart from global weather forecast models."

This month, Malaysia will receive rainfall which is either lower or slightly lower than average except in Kuching, Samarahan, Betong and Sri Aman in Sarawak where rainfall volume was within the anticipated range.

"Generally, the rainfall in the country will be back to normal from May," she said.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 20 FEBRUARI 2016 (SABTU)

“ Semasa di dalam kapal, pernah juga terdetik menyesal mengikuti ekspedisi ini dan teringat keluarga di rumah, namun kami cekalkan hati dan sentiasa berdoa memohon pertolongan Allah”
 Dr Mohamad Huzaimy

SATU daripada sampel diambil untuk dibawa pulang ke tanah air.



■ Lapan saintis Malaysia gadai nyawa di hujung dunia demi penyelidikan saintifik

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
 sitiaisyah@metro.com.my
 Putrajaya



KUMPULAN ekspedisi yang menjalankan penyelidikan di Antartika.



MAKANAN berat membantu mengekalkan daya tubuh dalam cuaca sejuk.

Menelusuri pelayaran berbahaya apabila terpaksa berdepan ombak setinggi enam meter di Drake Passage semata-mata mahu tiba di Antartika untuk mengambil sampel bagi kajian dan penyelidikan.

Cabaran berisiko dan boleh diibaratkan menempah maut itu ditempuh selama empat hari oleh lapan saintis tempatan dari enam universiti sepanjang mengikuti Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Malaysia ke Antartika 2016, baru-baru ini.

Selama empat hari di lautan menggunakan kapal layar 'Yatch Australis', pernah terdetik seketika di dalam hati masing-masing 'penyesalan' serta tidak mahu menyertai ekspedisi berkenaan.

Bagaimanapun, berbekalkan semangat dan harapan negara serta rakyat Malaysia, penyelidik terlibat dengan cokol hati menempuh pelayaran itu penuh ketabahan dan kesabaran.

Perkara itu diakui pemsyarah Universiti Teknologi MARA (UITM) Dr Mohamad Huzaimy Jusoh yang mengetuai ekspedisi itu selama 22 hari.

Menurutnya, bukan saja bahaya di lautan, mereka juga tidak dapat menikmati makanan berat sepanjang empat hari

menaiki kapal layar di Drake Passage.

"Kami hanya makan biskut, coklat atau bijirin selama empat hari kerana tidak mampu untuk bangun dan berjalan di sekitar kapal."

"Bayangkan, kami berlapan terpaksa baring saja kerana ombak terlampau kuat menyebabkan kapal bergoyang ditambah mabuk laut," katanya.

Dr Mohamad Huzaimy berkata, mereka turut berdepan angin kencang dengan kelajuan 80 kilometer sejam sedangkan kapal layar dinaiki hanya mampu bergerak 20 kilometer sejam.

"Disebabkan tidak boleh bangun atau berjalan di dalam kapal layar, kami yang beragama Islam turut menunaikan solat secara baring termasuk ketika mengambil wuduk."

"Semasa di dalam kapal, pernah juga terdetik menyesal

KAPAL layar Yatch Australis yang menjadi makmal bergerak.



23 meter

SAMBUNGAN...
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 20 FEBRUARI 2016 (SABTU)



PENGALAMAN menjejak Antartika memberi 1001 satu makna kepada kumpulan penyelidik Malaysia.

STESEN hentian kecemasan untuk leguanaan awam.

mengikuti ekspedisi ini dan teringat keluarga di rumah, namun kami cekalkan hati dan sentiasa berdoa memohon pertolongan Allah," katanya.

Cabaran lain turut ditempuh apabila keadaan cuaca yang tidak menentu manakala, suhu sentiasa berubah-ubah setiap tiga jam.

Apabila tiba di tempat yang dituju, beliau berkata, mereka memulakan kerja mengambil sampel sama ada dianalisis di situ atau dibawa pulang ke tanah air.

"Kami diberikan permit untuk mengambil sampel dan ini bermakna, apa yang diambil mestilah mengikut peraturan dan had ditetapkan.

"Setiap sampel yang diambil diperiksa terlebih dulu oleh pihak mereka bagi memastikan ia tidak melebihi had ditetapkan," katanya.

Lebih 200 sampel yang dikumpulkan seperti air, alga, sedimen, lumut, batuan, haiwan tidak bertulang belakang di dalam laut, debunga dan tanah selain merekodkan bacaan gas rumah hijau dalam udara serta data geomagnetik.

Sampel dan bacaan yang direkodkan adalah untuk beberapa kajian saintifik, berhubung kait Antartika, biodiversiti dan perubahan iklim selain penekanan kepada kajian gas rumah hijau dan lapisan ozon.

Dalam pada itu, Dr Mohamad Huzaimy berkata, hasil penemuan sampel itu akan dibentangkan pada Persidangan Sains Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika 2016 pada 20 hingga 30 Ogos ini di Kuala Lumpur.

Ekspedisi berkenaan dianjurkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensi Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASMI).

Saintis terbahagi masing-masing dua peserta dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), manakala masing-masing seorang dari UiTM, Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).